



Headline: Pesara guru bimbang 'dipenjara' rugi RM50,000  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 2 December 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 4

# Pesara guru bimbang 'dipenjara' rugi RM50,000

**Kuala Lumpur:** Bimbang perlu menghabiskan saki-baki usia di penjara menjadi sebab bekas guru besar kerugian RM50,000 akibat ditipu sindiket penipuan 'Macau Scam'.

Lelaki berusia lingkungan 80-an yang enggan dikenali itu mengakui mahu memaklumkan kepada anaknya ketika menerima panggilan daripada seorang 'pegawai polis', namun membatalkan niatnya akibat digertak 'pegawai polis' berkenaan.

Beliau yang menetap bersama keluarganya di sekitar Shah Alam, memaklumkan pemanggil terbabit mendakwa akaun bank miliknya mempunyai sejumlah wang hasil kegiatan jenayah.



"Saya menerima panggilan kira-kira setahun lalu. Pemanggil berkenaan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis.

"Dia memaklumkan kepada saya sejumlah wang yang mempunyai kaitan dengan transaksi sindiket dadah sudah dimasukkan ke dalam akaun saya, saya terus panik dan memaklumkan pegawai itu saya memerlukan masa untuk memberitahu perkara itu kepada anak saya.

"Namun, pegawai polis itu berkeras mahu perkara itu diselesaikan secepat mungkin, jika tidak dia akan datang ke rumah saya untuk menangkap dan membawa saya ke penjara," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, pemanggil itu kemudian memintanya memasukkan wang RM50,000 untuk menyelesaikan kes itu.

"Saya pergi sendiri ke bank, mengeluarkan wang simpanan yang saya sudah kumpul bertahun-tahun berjumlah RM50,000," katanya.

Sementara itu, seorang penjual mendakwa akaun bank peribadinya dijadikan 'akaun tumpang' oleh satu sindiket penipuan pada 4 Disember lalu.

Wanita berusia 25 tahun yang hanya mahu dikenali sebagai Wee itu berkata, sindiket itu melakukan lebih 60 transaksi keluar masuk wang dalam tempoh lapan hari berjumlah hampir RM40,000

menggunakan akaun miliknya.

"Ia berpunca daripada kelalayan saya sendiri, saya menyerahkan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) kepada seorang lelaki ketika itu bagi memudahkan proses permohonan pinjaman saya.

"Kemudian saya dapati akaun saya mempunyai banyak transaksi yang saya tidak ketahui dan percaya ia digunakan untuk memperdayakan mangsa oleh satu sindiket.

"Saya terus buat laporan polis dan hadir ke Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA kerana bimbang akaun saya dipergunakan untuk kegiatan jenayah," katanya.